



# eBuletin

**JAN**  
BIL 1/2018



### SEHARI BERSAMA MILO

Pada 21 Januari 2018 Sekolah Kebangsaan Kelulut telah menerima kunjungan daripada syarikat Nestle. Selain dapat menikmati air Milo, murid-murid juga bersenam bersama kakitangan mereka.



### PENANTAUAN PROGRAM LINUS

Pada 22 JANUARI 2018 satu penantauan bagi program LINUS telah dibuat oleh pegawai-pegawai daripada Pejabat Pendidikan Daerah Merang. Penantauan ini membina gairah-gairu program LINUS menantikan penganasan LINUS SK Kelulut yang akan datang dan seterusnya.



### MERENTAS DESA KELULUTTHON

Unit Ko-kurikulum SK Kelulut membuka tirai aktiviti dengan acara Merentas Desa Kelulutthon pada 18 Januari 2018. Program ini bertujuan untuk mendorong murid-murid terlibat dengan aktiviti 1 Murid 1 Sukan bagi melahirkan warga sekolah yang sihat dan cerdas.



### HARI PENDAFTARAN SESI PERSEKOLAHAN 2018

Pada 30 Disember 2017 telah diadakan hari pendaftaran bagi sesi persekolahan tahun 2018. Program sehari itu melibatkan ibu bapa dan penjaga murid-murid Pra Sekolah, PPKI dan Tahun 1 hingga Tahun 6.



### MINGGU TRANSISI TAHUN SATU 2018

Alhamdulillah pada 1 hingga 17 Januari 2018 telah berlangsung program transisi bagi murid Tahun 1. Program ini bertujuan membantu mereka menghadapi perubahan daripada pendidikan tidak formal di tadika atau rumah ke pendidikan formal di sekolah rendah. SK Kelulut telah menerima 70 orang murid yang mendaftar untuk memasuki Tahun 1/2018.